

UniMAP dan Industri di Korea Jalin Kerjasama



Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) terus melebarkan jaringan kerjasama akademik dan penyelidikan di Korea Selatan dengan menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama Syarikat Man & Tel. Syarikat ini merupakan salah satu syarikat yang berdaya saing dalam bidang peralatan latihan pendidikan teknikal yang berpusat di bandar Gumi di wilayah Gyeongsang, Korea Selatan.

Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) berlangsung di Pejabat Urusan Man & Tel dengan UniMAP diwakili Naib Canselornya, Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin manakala Man & Tel diwakili oleh Prof. Dr. Kwang-Wook Jung selaku CEO syarikat. Majlis itu berlangsung sempena program lawatan kerja UniMAP ke Korea Selatan selama lima hari.

Man & Tel telah dipelopori oleh Prof. Dr. Kwang-Wook Jung yang juga merupakan seorang profesor di Gumi University. Syarikat ini telah mencapai kemajuan besar dalam bidang peralatan latihan pendidikan dalam teknologi seperti robotik, photovoltaic, RFID dan rangkaian sensor lebih daripada satu dekad sejarah korporatnya.

Menurut Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin, pensyarah-pensyarah UniMAP perlu menjadikan usaha Prof. Jung ini sebagai contoh bagi merealisasikan segala produk-produk penyelidikan di UniMAP terutamanya untuk dikomersilkan. Perjanjian ini diharap akan membuka peluang kepada kedua-dua pihak bagi saling berkongsi maklumat, kepakaran selain membantu pihak UniMAP menubuhkan Pusat Latihan Teknikal yang terbaik di Malaysia suatu hari nanti.